

PENGUMUMAN

GARIS PANDUAN BAHARU PERMOHONAN LESEN IMPORT (AP) BAGI KENDERAAN KLASIK DAN VINTAJ

(BERKUAT KUASA PADA 1 OKTOBER 2024)

| BIL. | KRITERIA | KETETAPAN DAN SYARAT |
|------|--------------------|--|
| 1. | Jenis Kenderaan | <ul style="list-style-type: none">• Kereta Penumpang dan Motosikal. |
| 2. | Had Usia Kenderaan | <ul style="list-style-type: none">• Terdapat dua Kategori:<ol style="list-style-type: none">i. Kenderaan Klasik: berusia 35 tahun dan ke atas; danii. Kenderaan Vintaj: berusia 50 tahun dan ke atas.• Bagi kedua-dua kategori, penentuan usia kenderaan adalah berdasarkan Tahun Asal Diperbuat. |
| 3. | Keadaan Kenderaan | <ul style="list-style-type: none">• Kenderaan hendaklah dalam keadaan baik dan telah dibaik pulih kepada spesifikasi kilang asal.• Kenderaan replika atau rebuilt adalah tidak dibenarkan. |

| | | |
|----|--|--|
| 4. | Sijil Pengiktirafan Berstatus Klasik dan Vintaj | <ul style="list-style-type: none"> • Kenderaan hendaklah memiliki sijil pengiktirafan berstatus klasik dan vintaj daripada pihak berkuasa/bertauliah yang diiktiraf di negara asal pengeluar/negara yang mengeksport. Salinan sijil ini perlu disertakan semasa membuat permohonan AP. • Pemohon juga perlu menyertakan sesalinan Certificate of Origin atau Certificate of Registration. • Bagi kedua-dua dokumen di atas, satu versi terjemahan hendaklah disertakan jika bahasa yang digunakan dalam dokumen asal adalah selain daripada Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris. |
| 5. | Kelayakan Pemohon | <ul style="list-style-type: none"> • Bagi individu: <ul style="list-style-type: none"> i. Warganegara Malaysia; ii. Mempunyai Lesen Memandu yang sah sesuai dengan jenis kenderaan klasik/vintaj yang diimport; dan iii. Hanya SATU (1) AP bagi kenderaan klasik atau vintaj layak untuk setiap individu. • Bagi syarikat: <ul style="list-style-type: none"> i. Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai syarikat Sendirian Berhad; dan |

| | | |
|----|------------------------------|---|
| | | <ul style="list-style-type: none"> ii. Mempunyai pengalaman minimum dua (2) tahun dan sedang beroperasi dalam apa-apa bidang perniagaan. |
| 6. | Pendaftaran Kenderaan | <ul style="list-style-type: none"> • Syarikat hendaklah mengemukakan salinan Sijil Pemilikan Kenderaan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kelulusan Lesen Import (AP). |
| 7. | Sekatan Hak Milik | <ul style="list-style-type: none"> • Kenderaan yang diimport hendaklah didaftarkan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia dan kenderaan ini tidak boleh dipindah milik dalam tempoh 5 tahun dari tarikh pendaftaran pertama di JPJ. |

Nota: Lesen Import (AP) yang diluluskan oleh MITI hendaklah **diperolehi terlebih dahulu sebelum kenderaan diimport ke Malaysia.**

SENARAI DOKUMEN BAGI PERMOHONAN

Sila kemukakan surat permohonan kepada Kementerian ini dan permohonan hendaklah disertakan maklumat dan dokumen seperti di bawah:

- i. Surat permohonan beserta maklumat terperinci mengenai kenderaan:
 - a. Jenama dan model;
 - b. Nombor casis;
 - c. Nombor enjin; dan
 - d. Tahun diperbuat.
- ii. Sijil Pengiktirafan Status kenderaan sebagai klasik atau vintaj.
- iii. ***Certificate of Origin or Certificate of Registration.***

- iv. Gambar kenderaan sebenar.
- v. Pesanan pembelian atau invois dari penjual di negara eksport.
- vi. Bagi permohonan oleh individu, dokumen tambahan berikut hendaklah disertakan:
 - a. Salinan kad pengenalan; dan
 - b. Salinan lesen memandu yang sah.
- vii. Bagi permohonan oleh syarikat baharu, dokumen tambahan berikut hendaklah disertakan:
 - a. Sijil pendaftaran SSM sebagai Sdn. Bhd. yang disahkan; dan
 - b. Mempunyai pengalaman minimum dua (2) tahun dan sedang beroperasi dalam apa-apa bidang perniagaan.

KETIDAKPATUHAN TERHADAP GARIS PANDUAN

Mana-mana permohonan yang tidak memenuhi kriteria dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Garis Panduan Baharu ini akan **ditolak**.

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri

1 Oktober 2024